

Undi Pas masuk syurga tidak akan berjaya

ALOR STAR 6 Mac -- Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin tindakan Pas untuk terus menggunakan isu 'undi Pas masuk syurga' sebagai bahan kempen pilihan raya umum kali ini tidak akan berjaya mempengaruhi para pengundi atau menggugat kekuatan Barisan Nasional (BN).

Sebaliknya, Penasihat Jentera Pilihan Raya BN Kedah itu berkata, rakyat terutamanya para pengundi bukan sahaja tidak akan tertipu dengan dakwah Pas tersebut malah akan lebih memahami sikap sebenar pemimpin parti itu.

"Nik Aziz kata undi Pas masuk syurga, dia lebih baik dari Nabi Muhammad. Saya ingat isu ini kita boleh lawan dengan mudah, katanya ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Jentera Kerja Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Kedah di Bangunan Tunku di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan, Pas akan berkempen habis-habisan sebelum hari penamaan calon pada pilihan raya umum ke-11 diadakan bagi mempengaruhi umat Islam bahawa sesiapa yang mengundi parti itu akan mendapat balasan syurga.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, Pas sama sekali tidak akan menghentikan kempen tersebut walaupun parti itu buat sementara waktu

akan akur dengan arahan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa tindakan menjanjikan syurga bagi memancing undi adalah satu kesalahan di bawah Akta Pilihan Raya 1954.

Menurut Dr. Mahathir, Islam mengajar umatnya supaya mengikut ajarannya dan melakukan perkara-perkara yang baik bagi membolehkan mereka masuk syurga seperti yang dijanjikan dan bukannya semudah dengan hanya mengundi Pas pada waktu pilihan raya.

"Kita tanya Nik Aziz orang yang rogol anak sendiri dan sebagainya yang banyak berlaku di Kelantan, adakah bila pangkah Pas akan masuk syurga juga," katanya.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir turut bertanya kepada Menteri Besar Kelantan itu adakah beliau telah melihat sendiri bahawa ramai ahli UMNO berada dalam neraka jika benar mereka yang sokong Pas sahaja masuk syurga.

Dr. Mahathir menegaskan, dengan kedudukan negara dari segi politik dan ekonomi yang baik selain imej sebagai sebuah negara Islam yang disegani terutama di negara-negara dunia ketiga ketika ini, beliau percaya rakyat akan terus menyokong dasar-dasar kerajaan dengan memastikan kemenangan BN pada pilihan raya umum ke-11, 21 Mac ini.